

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]** minta **MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN** menyatakan:-

(a) Berapakah jumlah mereka yang telah ditangkap kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sejak GST dikuatkuasakan bermula 1 April 2015; dan

(b) Daripada jumlah yang ditangkap tersebut, berapakah jumlah mereka yang di dakwa dan di bawah Seksyen berapa akta tersebut mereka di dakwa.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sejak Cukai Barang dan Perkhidmatan dilaksanakan pada 1 April 2015, tiada sebarang tangkapan dibuat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011). Walau bagaimanapun sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **52 kertas siasatan** telah dihasilkan di bawah AKHAP 2011 iaitu **18 kertas siasatan** di bawah Seksyen 14(1) kerana **kesalahan mencatut**, **33 kertas siasatan** di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **1 kertas siasatan** di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod**.

Daripada jumlah tersebut, **kes yang telah dituduh di mahkamah** di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti yang berikut:

- i) **5 kes telah selesai** di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii) kes yang **telah dituduh dan masih belum selesai** adalah sebanyak **4 kes** iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
- iii) **3 kes telah ditawarkan kompaun**.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan**

- a) mengapakah buku teks rasmi Sejarah Tingkatan 5 menggunakan nama Prof Dr. Khoo Kay Kim dan Tan Sri Ainuddin Wahid sebagai tokoh pakar yang dirujuk sedangkan Prof Khoo Kay Kim menyatakan dalam Mahkamah Sesyen di Butterworth bahawa beliau dan Tan Sri Ainuddin Wahid tidak pernah dirujuk dalam sebarang masa sebelum buku itu diterbitkan; dan
- b) apakah tindakan akan diambil kepada penulis dan penerbit buku tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan penyiasatan dan mesyuarat khas pada 30 Mac 2015 bagi menyiasat dakwaan bahawa Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim yang dikatakan tidak pernah dirujuk dalam sebarang masa sebelum Buku Teks Sejarah Tingkatan 5, Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) iaitu Cetakan Pertama 2003.

Namun berdasarkan penyiasatan yang dijalankan oleh KPM, dua orang tokoh sejarah telah dilantik oleh DBP sebagai Pakar Rujuk bagi buku tersebut iaitu YBhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Khoo Kay Kim dan YBhg. Datuk Prof. Zainal Abidin bin Abd. Wahid. Lantikan dibuat melalui surat lantikan Ruj. Kami DBP/6-8/31/31-8455 (70) bertarikh 11 September 2002 **'PELANTIKAN SEBAGAI PAKAR RUJUK KEPADA JAWATANKUASA KAWALAN MUTU (JKM) BAGI PENULISAN BUKU TEKS SEJARAH TINGKATAN 5- KBSM UNTUK KEGUNAAN MULAI TAHUN 2004'**. Surat penerimaan tawaran bagi perlantikan ini yang bertarikh 12 September 2002 telah ditandatangani sendiri oleh YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim.

**Ini bermakna dakwaan Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim yang kononnya beliau tidak dirujuk adalah kurang tepat.** Dakwaan beliau berkaitan isu ini boleh menimbulkan kekeliruan kerana beliau sendiri adalah pakar yang dirujuk sebelum buku teks berkenaan dibenarkan untuk dicetak.